PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 JULY 2017

MOHD. ALI RUSTAM

Sokongan Tun M politik manipulasi berbahaya

um - 11/7/2017 pg. 9

MELAKA 9 Julai - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang membuat pusingan U dengan menyatakan sokongan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dan DAP, adalah politik manipulasi yang berbahaya kepada rakyat dan negara ini.

Bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Mohd. Ali Rustam berkata, politik manipulasi dimainkan Dr. Mahathir bertujuan untuk memanipulasi rakyat demi mencapai matlamat peribadi beliau.

"Ini amat tidak baik bagi sebuah negara yang menjunjung kedaulatan undang-undang seperti yang termaktub dalam Rukun Negara. Apa akan jadi kepada rakyat dan negara jika manipulasi Tun M diterima," katanya di sini hari ini.

Dr. Mahathir ketika lawatan beliau ke London baru-baru ini dilaporkan menyatakan sokongan kepada Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri sekiranya mendapat pengampunan Diraja.

Namun Jumaat lalu, Dr. Mahathir dilaporkan cuba menafikan beliau menyokong Anwar seperti dilapor akhbar tersebut. - BERNAMA